



**MENYERLAHKAN
POTENSI
PASARAN KAMI**

LAPORAN TAHUNAN 2013

KAMI MERUPAKAN PASARAN YANG SEDANG MARA ...



Pada tahun 2013, Bursa Malaysia berkembang dengan semakin mantap, mengesahkan kedudukannya sebagai satu usul pelaburan yang relevan, inovatif dan menarik. Transformasi strategik yang telah kami laksanakan antara tahun 2011 dan 2013 telah banyak menyumbang kepada pengukuhan asas kami dan memperteguh peranan kami sebagai bursa yang bersepadu dan menjadi pemangkin pertumbuhan bagi pasaran modal Malaysia. Hari ini, sebagai "Pasaran Multinasional ASEAN", Bursa Malaysia berkedudukan baik sebagai pasaran utama bagi para pelabur yang ingin melabur dalam peluang pertumbuhan ASEAN.

Melangkah ke hadapan, dengan mengambil kesempatan ke atas Pelan Perniagaan 2014-2016 kami, kami telah bersedia untuk menyerlahkan lagi potensi Bursa dengan pelbagai peluang perubahan yang tersedia. Asas yang telah kami bina hari ini mempunyai hanya satu tujuan – untuk membawa Bursa Malaysia ke tahap kejayaan yang seterusnya dan mengukuhkan kedudukan kami sebagai Pasaran Multinasional ASEAN.

VISI

**UNTUK MENJADI RAKAN KONGSI PILIHAN DI ASIA BAGI
PENGUMPULAN DANA, PERDAGANGAN DAN PELABURAN.**

MISI

**SEBAGAI RAKAN KONGSI PILIHAN, BURSA MALAYSIA
MENAWARKAN PASARAN YANG SAKSAMA DAN TERATUR YANG
MUDAH DISERTAI DENGAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN YANG
PELBAGAI DAN INOVATIF.**

Sorotan Kewangan

Hasil Operasi

RM439.8 juta

(+13%)

2012: RM388.5 juta

Nisbah Kos ke atas
Pendapatan

48.3%

(meningkat 1 mata peratusan)

2012: 49.3%

PATAMI

RM173.1 juta

(+15%)

2012: RM150.6 juta

EPS

32.5 sen

(+15%)

2012: 28.3 sen

ROE

20.7%

(meningkat 3 mata peratusan)


2012: 17.7%

Dividen Bersih setiap Saham **52** sen


(+93%)

2012: 27 sen


Hasil Operasi (RM juta)



Perbelanjaan Operasi (RM juta)




PATAMI dan Nisbah Kos ke atas
Pendapatan



¹ Tidak termasuk laba daripada pelupusan sebahagian Kumpulan Bursa Malaysia Derivatives Berhad

Dividen Bersih dan Kadar Hasil Dividen



* CAGR: Kadar Pertumbuhan Tahunan Kompaun

Penyata Pengerusi kepada Pemegang Saham



Tun Mohamed Dzaidin Haji Abdullah

Tun Mohamed Dzaidin Haji Abdullah
Pengerusi

Para Pemegang Saham,

Tahun 2013 merupakan tahun di mana bursa di seluruh dunia terpaksa berdepan dengan ketidaktentuan kewangan dan persaingan yang semakin sengit. Di sebalik latar belakang yang tidak menentu ini, Bursa Malaysia telah berjaya melangkah ke hadapan untuk mencatatkan prestasi yang memberangsangkan dalam pelbagai bidang. FBM KLCI telah mengakhiri tahun dengan 1866.96 mata, naik 10.5% daripada 2012.

Bursa Malaysia mengatasi bursa-bursa setaraf lain dalam prestasi penanda aras dan merupakan destinasi penjanaan dana yang terbesar di ASEAN dengan jumlah terkumpul sebanyak USD7,046.9 juta. Dan yang paling penting, kami terus mewujudkan nilai pemegang saham dengan memberikan jumlah pulangan pemegang saham sebanyak 40.7%.

Kedudukan baik kami setakat ini adalah hasil daripada usaha berterusan untuk mengukuhkan infrastruktur pasaran kami dan kedudukan Bursa Malaysia sebagai cadangan pelaburan yang menarik. Tahun ini telah menyaksikan kami meningkatkan langkah usaha urus tadbir, memberikan nilai pemegang saham yang baik, dan berjaya melaksanakan langkah-langkah untuk membantu kami menerokai kesempatan di dalam bidang-bidang baharu. Dalam proses Bursa maju ke hadapan, asas-asas telah kini mantap untuk menyerlahkan lagi potensi pasaran kami dan benar-benar menggerakkan kami menuju ke tahap kejayaan yang seterusnya.

KOMITED TERHADAP KETELUSAN DAN KESTABILAN PASARAN

Struktur pasaran global dan rangka kerja pengawalseliaan yang sentiasa berubah agak kurang menyenangkan pengusaha pasaran pada beberapa tahun kebelakangan ini. Namun, di tengah-tengah suasana ini, Bursa Malaysia terus mengorak langkah ke hadapan dalam usaha untuk memastikan pasaran yang teratur, telus dan cekap. Tahun 2013 menyaksikan kami terus mengemaskinikan peraturan kami dan menambahbaik rangka kerja pengawalan dan penyeliaan sedia ada kami yang berkesan, untuk memastikan pendekatan pengawalseliaan yang menyeluruh.

Untuk melahirkan amalan tadbir urus korporat yang lebih baik di kalangan syarikat-syarikat tersenarai awam dan juga membantu lembaga-lembaga pengarah mengemudi syarikat masing-masing ke arah pertumbuhan perniagaan yang mampan, kami telah mengeluarkan edisi kedua Panduan Tadbir Urus Korporat: Ke Arah Kecemerlangan Lembaga Pengarah. Bagi memantapkan pendidikan dan penglibatan pemegang kepentingan, kami telah mengendalikan 22 sesi pertemuan, termasuk Siri Pengerusi yang eksklusif.

**TAHUN INI
MENYAKSIKAN KAMI
MENINGKATKAN
LANGKAH USAHA
TADBIR URUS,
MEMBERIKAN
NILAI PEMEGANG
SAHAM YANG BAIK
DAN BERJAYA
MELAKSANAKAN
LANGKAH-LANGKAH
UNTUK MEMBANTU
KAMI MENEROKAI
KESEMPATAN DALAM
BIDANG-BIDANG
BAHARU**

Penyata Pengerusi kepada Pemegang Saham

MEMACU NILAI PEMEGANG SAHAM YANG BAIK

- **PERTUMBUHAN 13%
DALAM HASIL OPERASI DAN
PERTUMBUHAN 15%
DALAM PATAMI**
- **KADAR HASIL
DIVIDEN SEBANYAK
6.3%**
- **PENGIKTIRAFAN DARIPADA
MSWG:**
 - ✓ **ANTARA 5
TERBAIK BAGI TADBIR
URUS KORPORAT
KESELURUHAN**
 - ✓ **ANTARA 3
TERBAIK BAGI
KETELUSAN TADBIR URUS
KORPORAT**
 - ✓ **1 DARIPADA 3
PEMENANG
AMALAN MESYUARAT
AGUNG TAHUNAN
TERBAIK**

Kami tetap komited untuk melaksanakan amalan terbaik tadbir urus korporat di segenap organisasi kami. Pada 2013, Bursa Malaysia telah diumumkan sebagai salah satu daripada tiga pemenang Anugerah Amalan Mesyuarat Agung Tahunan Terbaik daripada Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG). Kami juga merupakan antara penerima Anugerah Ketelusan Tadbir Urus Korporat Ke-3 Terbaik dan Anugerah Tadbir Urus Korporat Keseluruhan Ke-5 Terbaik MSWG. Anugerah-anugerah tersebut memantapkan komitmen kami untuk mengamalkan kepimpinan melalui teladan dalam bidang tadbir urus.

KOMITED TERHADAP PEWUJUDAN NILAI PEMEGANG SAHAM YANG BAIK

Tahun 2013 juga menyaksikan kami terus mengukuhkan asas untuk meningkatkan kualiti pasaran, memastikan kemampunan dan menyerlahkan potensi Bursa sepenuhnya. Kami telah meningkatkan kualiti perkhidmatan dan penawaran produk kami, menambah pelaburan bagi kakitangan dan teknologi, serta mempertingkatkan hubungan dengan pihak berkepentingan.

Hasil daripada usaha keseluruhan pasukan kami, kami mencatatkan prestasi kewangan yang teguh untuk 2013 dengan peningkatan hasil operasi sebanyak 13% dan PATAMI sebanyak 15%.

Komitmen kami untuk mewujudkan nilai pemegang saham yang baik kekal menjadi keutamaan kami. Dasar kami adalah untuk membayar balik tidak kurang daripada 75% daripada PATAMI kami. Sejak penyenaian, kami telah melepasi kadar ini dan telah memberikan ganjaran kepada pemegang saham pada kadar lebih daripada 90% daripada PATAMI kami. Selaras dengan prestasi yang baik pada tahun ini, kami mencadangkan pembayaran dividen akhir sebanyak 16 sen. Cadangan ini, digabungkan dengan dividen interim sebanyak 16 sen yang telah dibayar kepada para pemegang saham dalam tahun 2013, berjumlah 98% daripada PATAMI kami. Kami juga telah membayar dividen khas sebanyak 20 sen pada bulan Ogos 2013, menjadikan jumlah dividen sebanyak 52 sen.

KOMITED UNTUK KEKAL RELEVAN

Sebagai bursa yang bersepadu dan pemangkin bagi pasaran modal Malaysia, kami berazam untuk kekal relevan kepada pemegang kepentingan kami serta memacu pertumbuhan yang mampan. Kemunculan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) pada akhir 2015 merupakan petanda baik untuk kami. Sebagai "Pasaran Multinasional ASEAN", Bursa Malaysia berkedudukan baik sebagai pintu masuk pilihan dan pasaran utama bagi pelabur untuk melabur dalam pasaran ASEAN.

Kami juga fokus dalam menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang meluas dan mampan kepada pemegang kepentingan kami. Penawaran pasaran Islam global kami terus menjadi peluang pelaburan yang berdaya maju dan telah menyokong kedudukan kami sebagai salah satu bursa utama di Asia untuk tawaran produk Islam. Pelancaran Kontrak Niaga Hadapan Emas dan sekuriti tercantum juga telah memperluaskan rangkaian produk kami.

Ketika kami maju ke hadapan, Bursa Malaysia akan terus menjuarai amalan tadbir urus yang baik, melancarkan strategi pertumbuhan baharu dan mencari peluang di bidang-bidang baharu. Kami yakin dengan potensi kami pada masa akan datang berdasarkan asas-asas kukuh yang telah dibina.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan ucapan terima kasih kami kepada para pemegang saham atas sokongan teguh yang telah diberikan kepada Bursa. Terima kasih juga kepada pihak pengawal selia dan penggubal dasar di atas usaha yang sungguh berharga dalam menetapkan garis panduan yang jelas bagi menggalakkan keberkesanan dan ketelusan pasaran. Ucapan terima kasih juga kepada para Pengarah atas pandangan yang arif dan dalam membantu Bursa kekal bersemangat di tengah-tengah suasana yang tidak menentu. Akhir sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kakitangan Bursa Malaysia di atas kesetiaan, pengorbanan dan komitmen kepada kecemerlangan yang telah membawa kami ke tahap ini.

Prestasi Kami

Sorotan 5 Tahun

	31 DIS 2009 ²	31 DIS 2010 ³	31 DIS 2011	31 DIS 2012	31 DIS 2013
Hasil Operasi Utama (RM juta)					
Hasil Operasi	297.8	331.3	381.5	388.5	439.8
Perbelanjaan Operasi ¹	181.9	196.6	212.0	209.2	229.4
Pendapatan sebelum Faedah, Cukai, Susut Nilai dan Pelunasan (EBITDA)	230.8	177.9	207.9	212.9	245.4
Untung selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (PATAMI) ¹	174.6	111.9	143.1	150.6	173.1
Data Penting Lain (RM juta)					
Jumlah Aset	1,786.6	1,708.3	1,673.5	2,198.4	1,741.7
Jumlah Liabiliti ¹	947.2	855.1	818.4	1,325.1	914.2
Ekuiti Pemegang Saham ¹	830.8	841.9	840.8	857.6	811.2
Perbelanjaan Modal	22.1	21.9	13.6	26.7	33.3
Nisbah Kewangan (%)					
Pertumbuhan Hasil Operasi	(1.5)	11.2	15.2	1.8	13.2
Nisbah Kos ke atas Pendapatan ¹	45.7	54.7	51.1	49.3	48.3
Margin Untung Bersih ¹	43.9	31.9	35.7	36.9	37.8
Pertumbuhan PATAMI ¹	67.2	(35.9)	27.8	5.2	14.9
Pulangan atas Ekuiti (ROE) ¹	22.4	13.4	17.0	17.7	20.7
Maklumat Saham					
Perolehan setiap Saham (EPS) (sen) ¹	33.1	21.1	26.9	28.3	32.5
Dividen Bersih setiap Saham (sen)	17.8	20.0	26.0	27.0	52.0
Kadar Hasil Dividen (%)	2.4	2.6	3.9	4.3	6.3
Nisbah Pembayaran (%)	92.9	94.0	94.6	94.8	98.5
Aset Bersih setiap Saham (RM) ¹	1.57	1.58	1.58	1.61	1.52
Harga Saham - Tinggi (RM)	8.59	8.66	9.02	7.72	8.47
Harga Saham - Rendah (RM)	4.36	6.75	5.76	5.91	6.22
Harga Saham pada 31 Disember (RM)	7.99	7.80	6.70	6.22	8.23
Nisbah Harga Perolehan (kali) ¹	24	37	25	22	25
Permodalan Pasaran Syarikat (RM bilion)	4.2	4.1	3.6	3.3	4.4

1 Angka perbandingan dan nisbah telah dinyatakan semula untuk mengambil kira kesan daripada:

- i. Denda dan perbelanjaan berkaitan tidak lagi diiktiraf dalam untung atau rugi selepas Dana Pendidikan dan Integriti Pasaran Modal (CMEIF) ditubuhkan pada 1 Januari 2013.
 - ii. Laba dan rugi aktuari diiktiraf berikutan penerimaan pakai MFRS 119 *Manfaat Pekerja (disemak)* pada 1 Januari 2013.
- 2 Keputusan dan nisbah bagi 2009 yang tidak termasuk laba atas pelupusan anak syarikat adalah seperti berikut:
- i. EBITDA: RM154.8 juta
 - ii. PATAMI: RM98.6 juta
 - iii. Nisbah Kos ke atas Pendapatan: 56.5%
 - iv. Margin Untung Bersih: 24.8%
 - v. Pertumbuhan PATAMI: (5.6%)
 - vi. ROE: 12.7%
 - vii. EPS: 18.7sen

3 Pertumbuhan PATAMI bagi 2010 yang tidak termasuk laba atas pelupusan anak syarikat pada 2009 ialah 13.5%.

Keputusan Suku Tahunan	Suku Pertama	Suku Ke-2	Suku ke-3	Suku ke-4	Tahun Penuh
2013					
Hasil Kewangan Utama					
Hasil Operasi (RM juta)	101.7	122.2	112.0	103.9	439.8
EBITDA (RM juta)	55.6	77.8	65.4	46.6	245.4
PATAMI (RM juta)	38.2	54.8	46.2	33.9	173.1
ROE (%)	17.3	24.0	22.0	17.1	20.7
Nisbah Kos ke atas Pendapatan (%)	49.7	40.7	46.4	57.6	48.3
EPS (sen)	7.2	10.3	8.7	6.3	32.5
Dividen Bersih Biasa setiap Saham (sen)	-	16.0	-	16.0	32.0
Dividen Bersih Khas setiap Saham (sen)	-	20.0	-	-	20.0
Pemacu Operasi Utama					
ADV - OMT & DBT di Pasaran Sekuriti (RM juta)	1,716	2,385	2,083	2,330	2,137
ADC di Pasaran Derivatif	45,188	41,673	45,700	41,535	43,490
2012					
Hasil Kewangan Utama					
Hasil Operasi (RM juta)	100.5	96.7	96.7	94.6	388.5
EBITDA (RM juta)	56.4	53.6	54.0	48.9	212.9
PATAMI (RM juta)	40.6	37.7	36.5	35.8	150.6
ROE (%)	18.8	17.2	17.3	17.0	17.7
Nisbah Kos ke atas Pendapatan (%)	47.5	49.1	48.7	52.0	49.3
EPS (sen)	7.6	7.1	6.9	6.7	28.3
Dividen Bersih Biasa setiap Saham (sen)	-	13.5	-	13.5	27.0
Pemacu Operasi Utama					
ADV - OMT & DBT di Pasaran Sekuriti (RM juta)	1,973	1,517	1,684	1,509	1,666
ADC di Pasaran Derivatif	31,015	40,367	42,234	43,555	39,387

ADV - Purata Nilai Dagangan Harian

ADC - Purata Bilangan Kontrak Didagangkan Harian

OMT - Transaksi atas Pasaran


DBT - Transaksi Perniagaan Langsung

Pewujudan Nilai Pemegang Saham




HARGA SAHAM MENCAPAI LEBIH KEUNTUNGAN PADA 2013

- Menyampaikan jumlah pulangan pemegang saham sebanyak 40.7%;
- Harga saham meningkat daripada RM6.22 (31 Dis 2012) kepada RM8.23 pada 31 Disember 2013, dan mengatasi prestasi FBM KLCI;
- Mengatasi prestasi bursa-bursa Asia setaraf yang tersenarai.

Prestasi Harga Saham Bursa Malaysia vs. FBM KLCI



Prestasi Harga Saham Bursa Malaysia vs. Bursa-bursa Asia Setaraf yang Tersenarai



Menghubungi Perhubungan Pelabur

Semua pelabur dialu-alukan untuk menghubungi pasukan Perhubungan Pelabur (IR) kami secara langsung di ir@bursamalaysia.com atau lawati laman IR di laman web kami, di mana tuan/puan boleh melanggan untuk menerima berita terkini mengenai Bursa Malaysia secara tetap melalui makluman e-mel dan juga mengakses buletin suku tahunan kami.

Mercu Tanda

ETBS

“ ETBS merupakan **PELUANG KEEMASAN** bagi rakyat Malaysia untuk membuat pelaburan dan memperolehi keuntungan daripada, **PEMBANGUNAN NEGARA** ”

Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak,
Perdana Menteri Malaysia

JAN

8 JANUARI 2013

Pelancaran kelas aset baharu – Bon dan Suku Dagangan Bursa (ETBS) untuk meluaskan penawaran Bursa serta menggalakkan dan mengukuhkan penyertaan runcit dalam pasaran bon/sukuk

MEI

2 MEI 2013

Memperkenalkan Polisi Laluan Hijau untuk mempertingkatkan kecekapan menjalankan perniagaan bagi broker ekuiti

9 MEI 2013

Sekuriti tercantum patuh Syariah yang pertama tersenarai di Bursa Malaysia untuk meluaskan rangkaian produk Bursa

eRIGHTS

“ Inisiatif “eRights” adalah sebahagian daripada usaha berterusan kami untuk menyediakan **PERSEKITARAN DAGANGAN YANG LEBIH MUDAH UNTUK MENARIK LEBIH RAMAI PELABUR DAN PENERBIT,** bukan sahaja di pasaran tempatan, tetapi juga di pasaran serantau ”

Dato' Tajuddin Atan,
CEO, Bursa Malaysia

MAC

28 MAC 2013

Pelancaran perkhidmatan eRights yang baharu untuk memudahkan langganan secara elektronik dan sistem pembayaran bagi terbitan hak

POLISI LALUAN HIJAU

“ Polisi Laluan Hijau **MEMENDEKKAN MASA KE PASARAN** bagi broker ekuiti untuk memulakan aktiviti baharu. Ini termasuk pembukaan **CAWANGAN BAHARU ATAU KEMUDAHAN AKSES ELEKTRONIK,** pemberian pembiayaan margin dan permulaan perdagangan proprietari ”

Selvarany Rasiah,
Pengarah Kawalan Selia, Bursa Malaysia

JUL**22 JULAI 2013**

Pelancaran Jualan Singkat Berperaturan (RSS) dan Peminjaman dan Pemberian Pinjaman Sekuriti (SBL) untuk membantu penemuan harga dengan lebih cekap

RSS & SBL

“Berikutan penambahbaikan tersebut, bilangan saham yang tersedia ada telah **MENINGKAT DARIPADA 100 KEPADA 171** malah kini terdapat juga **PENYERTAAN PANTAS BAGI SAHAM** dengan permodalan pasaran yang besar”

Ong Li Lee,
Pengarah Pasaran Sekuriti, Bursa Malaysia

“Ketika Bursa Malaysia menjadi **SALAH SATU PUSAT UTAMA BAGI PERDAGANGAN DI RANTAU,** menarik IPO baharu dan memenuhi permintaan kewangan Islam, NASDAQ OMX berdedikasi untuk bekerja sama dengan Bursa Malaysia untuk **TERUS MENGEMBANGKAN PASARAN ASEAN YANG DINAMIK”**

Lars Ottersgård,
Naib Presiden Kanan, Teknologi Pasaran, NASDAQ OMX

BTS2**DIS****2 DISEMBER 2013**

Pelancaran jentera dagangan baharu, Bursa Trade Securities 2 (BTS2) dikendalikan oleh sistem X-Stream INET NASDAQ OMX

11 DISEMBER 2013

Pelancaran penyata dan notis CDS elektronik

27 DISEMBER 2013

Pindaan dalam jangka masa bagi penerbitan laporan tahunan

OKT**1 OKTOBER 2013**

Pelancaran edisi kedua Panduan Tadbir Urus Korporat untuk melahirkan amalan tadbir urus korporat yang lebih baik di kalangan PLC dan membantu Lembaga Pengarah mengemudi syarikat-syarikat mereka ke arah pertumbuhan perniagaan yang mampan

3 OKTOBER 2013

Pelancaran Kontrak Niaga Hadapan Emas diselesaikan secara tunai yang menyediakan cara yang boleh dipercayai untuk berdagang dalam emas di Malaysia


KONTRAK NIAGA HADAPAN EMAS

“Di Malaysia, di mana **EMAS MERUPAKAN KOMODITI YANG PALING DIIDAMKAN** dari sudut pandangan budaya, saiz kontrak minimum sebanyak 100 gram bagi Kontrak Niaga Hadapan Emas Bursa menyediakan **AKSES YANG LEBIH BAIK DAN MAMPU BAGI** mereka yang ingin berdagang dan melabur dalam emas”

Chong Kim Seng,
CEO, Bursa Malaysia Derivatives Berhad

Berterusan Menghasilkan Nilai


Prestasi Penanda Aras Indeks pada 2013



Kadar Hasil Dividen (%)

Kadar Hasil Dividen
3 TERATAS
di ASEAN

Bursa Malaysia



Sumber: Bloomberg

Penyata Pendapatan Disatukan

bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013

	2013 RM'000	2012 RM'000 (Dinyatakan Semula)
Hasil Operasi	439,822	388,466
Pendapatan lain	35,172	36,121
	474,994	424,587
Kos kakitangan	(119,965)	(101,813)
Susut nilai dan pelunasan	(34,964)	(33,713)
Perbelanjaan operasi lain	(74,485)	(73,722)
Untung sebelum cukai	245,580	215,339
Perbelanjaan cukai pendapatan	(66,195)	(58,453)
Untung bagi tahun	179,385	156,886
Untung boleh dikaitkan kepada:		
Pemilik Syarikat	173,075	150,598
Kepentingan Tidak Mengawal	6,310	6,288
	179,385	156,886
Perolehan setiap saham boleh dikaitkan kepada pemilik Syarikat (sen setiap saham):		
Asas	32.5	28.3
Cair	32.4	28.3

Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan

pada 31 Disember 2013

	31.12.2013 RM'000	31.12.2012 RM'000 (Dinyatakan Semula)	1.1.2012 RM'000 (Dinyatakan Semula)
Aset			
Aset Bukan Semasa			
Hartanah, loji dan peralatan	206,356	209,733	218,397
Perisian komputer	61,404	61,274	59,614
Muhibah	42,957	42,957	42,957
Sekuriti pelaburan	163,495	123,782	93,371
Pinjaman kakitangan belum terima	7,122	9,140	11,678
Aset cukai tertunda	1,648	1,278	1,034
	482,982	448,164	427,051
Aset Semasa			
Penghutang dagangan	32,733	28,462	27,632
Lain-lain penghutang	15,794	16,081	13,170
Cukai boleh pulih	6,612	4,296	388
Sekuriti pelaburan	51,183	54,936	33,441
Tunai dan baki bank tidak dimiliki Kumpulan	770,917	1,175,000	671,880
Tunai dan baki bank Kumpulan	381,442	471,503	499,943
	1,258,681	1,750,278	1,246,454
Jumlah aset	1,741,663	2,198,442	1,673,505
Ekuiti dan liabiliti			
Ekuiti			
Modal saham	266,306	266,012	265,800
Premium saham	94,167	90,505	87,553
Rizab lain	67,716	26,828	25,429
Perolehan tertahan	382,962	474,256	462,062
Ekuiti boleh dikaitkan kepada pemilik Syarikat	811,151	857,601	840,844
Kepentingan tidak mengawal	16,330	15,770	14,232
Jumlah ekuiti	827,481	873,371	855,076
Liabiliti bukan semasa			
Obligasi manfaat persaraan	28,950	30,023	33,599
Geran modal tertunda	7,768	9,934	11,850
Liabiliti cukai tertunda	12,892	7,895	7,564
	49,610	47,852	53,013
Liabiliti semasa			
Pemiutang dagangan	734,318	1,137,234	636,166
Dana penjelasan	35,374	35,938	34,485
Lain-lain pemiutang	89,134	94,479	79,913
Cukai belum dibayar	5,746	9,568	14,852
	864,572	1,277,219	765,416
Jumlah liabiliti	914,182	1,325,071	818,429
Jumlah ekuiti dan liabiliti	1,741,663	2,198,442	1,673,505

Hak cipta 2013

Bursa Malaysia Berhad (30632-P)


Hak cipta terpelihara.

CD ini mengandungi kerja-kerja yang tertakluk kepada hak cipta dan lain-lain hak harta intelek. Hak tersebut dimiliki oleh BURSA MALAYSIA BERHAD dan pihak ketiga tertentu (termasuk tanpa batasan, pengarah, pereka bentuk, jurugambar dan pelukis ilustrasi) yang mana kerja-kerja mereka telah disertakan dalam CD ini. Pengeluaran semula yang menyalahi undang-undang (termasuk pencetakan) atau penghantaran keseluruhan atau sebahagian kandungan CD dalam apa-apa bentuk adalah dilarang. Bagi mengelakkan keraguan, membuat salinan tambahan ke atas keseluruhan atau mana-mana bahagian CD (sama ada secara elektronik atau konvensional) adalah tidak dibenarkan dan mungkin menyebabkan prosiding sivil atau jenayah diambil oleh pemilik hak.

Bagaimana Menggunakan CD ini

Ini ialah CD-ROM yang dimainkan secara automatik. Hanya letakkan CD-ROM ke dalam pemacu CD-ROM komputer peribadi anda dan patuhi arahan pada skrin.

Catatan: Sila klik pada ikon 'Acrobat Reader' untuk memuat turun pemasangan bagi melihat dalam bentuk PDF.



Bursa Malaysia Berhad (30632-P)
15th Floor, Exchange Square, Bukit Kewangan,
50200 Kuala Lumpur, Malaysia.
T : +603 2034 7000
F : +603 2732 6437
E : enquiries@bursamalaysia.com

www.bursamalaysia.com

